

13 MAR 1997

Mahathir-Singapura

MAHATHIR ANGGAP KENYATAAN KUAN YEW SERIUS

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sebagai serius kenyataan oleh Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang menyebut negeri Johor sebagai "terkenal dengan tembak menembak, samun dan merampas kereta".

Katanya satu pembetulan perlu dibuat dengan apa cara sekalipun.

"Nampaknya banyak pihak di Malaysia mahukan pemimpin Singapura itu meminta maaf," katanya kepada pemberita apabila diminta mengulas mengenai kenyataan Lee itu.

Dr Mahathir sedang dalam lawatan dua hari ke Johor.

Kenyataan bekas Perdana Menteri Singapura itu telah menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia. Pemimpin-pemimpin politik termasuk dari pihak pembangkang dan pertubuhan sosial telah menyatakan rasa terkejut dan tersinggung dan mengutuk Lee.

Kabinet pada mesyuarat mingguannya semalam mahukan Lee meranrik balik kenyataannya dan memohon maaf.

Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa mempunyai masalah dengan Singapura walaupun orang ramai tidak banyak mengetahui mengenainya.

"Kita sentiasa mempunyai masalah ini tetapi kita mahu satu hubungan yang mesra."

Bagaimanapun untuk mempunyai hubungan sedemikian dengan Singapura memerlukan satu usaha bersungguh kerana ada ketikanya kita terlepas cakap dan terlanjur laku yang sukar untuk kita menjadi mesra," kata beliau.

Lee dalam afidavitnya terhadap bekas calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong, mendakwa Johor sebagai negeri yang "terkenal dengan kejadian tembak menembak, menyamun dan merampas kereta".

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani memorandum persehamaan (MoU) antara Perbadanan Johor dan Titan Himont di Senai dekat sini mengenai penyewaan tanah perindustrian di kawasan Perindustrian Tanjung Langsat.

Ditanya oleh seorang wartawan agensi media asing sama ada Malaysia akan melupakan perkara itu, beliau berkata: "Saya tidak tahu, saya perlu tanya yang lain."

Kata beliau Singapura perlu menghargai perasaan rakyat Malaysia kerana rakyatnya juga merasa selamat apabila berada di Malaysia terutamanya di negeri Johor.

Ditanya sama ada terdapat kebenaran kepada kenyataan Lee itu, beliau berkata "Saya merasa selamat (sambil geleng-geleng kepala) dan anda juga merasa selamat, adakah anda merasa selamat? Tidak ada siapa yang merampas kereta anda."

Dr Mahathir berkata jenayah berlaku di mana-mana dan kadarnya di sesetengah negara lebih teruk.

Beliau, bagaimanapun, enggan membuat apa-apa komen apabila ditanya mengenai situasi jenayah di republik itu.

Ditanya bagaimana kenyataan Lee itu akan memberi kesan ke atas hubungan antara Singapura dan Malaysia, beliau berkata, " Saya tidak tahu, kita akan lihat."

Kepada soalan sama ada Lee telah menghubungi beliau melalui telefon, Dr Mahathir berkata, "Saya tidak menjangka beliau akan menelefon saya."

Apabila ditanya bahawa Singapura sebelum ini yang telahpun mengeluarkan kenyataan yang menyinggung kerajaan Malaysia dan apa tindakan yang boleh diambil, beliau berkata "Saya tidak ingat tindakan-tindakan lepas, Saya

tidak mahu membuat apa-apa komen tetapi anda dapat melihat perasaan orang-orang di sini."

"Malahan rakyat Singapura sendiri datang ke sini untuk membeli banyak bahan makanan dan mereka merasa selamat di sini. Sekiranya mereka dibenarkan membeli banyak petrol di sini, mereka akan berbuat demikian."

Ditanya mengenai perasaan peribadi beliau mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata "perasaan saya peribadi."

Menjawab soalan apa akan terjadi sekiranya Lee tidak meminta maaf, beliau berkata "saya tidak tahu."

Sementara itu, Dr. Mahathir dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali diraikan pada majlis jamuan makan tengah hari di Rumah Rehat Ladang Nam Heng yang terletak di tepi Sungai Johor, kira-kira 50 km dari Johor Baharu.

Beliau kemudian diberi taklimat mengenai Amanah Saham Johor (ASJ) dan melihat tayangan video dokumentari bertajuk "The Jewels of Johor" yang disediakan oleh Institut Sultan Iskandar (ISI).

Video itu menayangkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di Johor serta mempunyai nilai komersil yang tinggi untuk dibangunkan terutama dalam industri pelancongan.

Yang turut hadir dimajlis jamuan itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S. Subramaniam serta para anggota Exco kerajaan negeri.

Dr. Mahathir kemudiannya dibawa menaiki bot menuju Sebana Resort yang terletak berhampiran muara Sungai Johor untuk satu lagi majlis sebelum bermalam di pusat peranginan itu. -- BERNAMA

MH WAT NMO